

DATE: 13 / 3 / 2010

Dasar MEB tidak abai kepentingan Bumiputera

BH-13/03/2010

Pertumbuhan berasas ekuiti kekalkan kedudukan istimewa

Oleh Kamarulzaidi Kamis
kamarulzaidi@bharian.com.my

KEPENTINGAN Bumiputera tidak akan diabaikan dalam dasar Model Ekonomi Baru (MEB) yang laporan pertamanya, disediakan Majlis Penasihat Ekonomi Negara (MPEN) akan dibentangkan 30 Mac ini, kata Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah.

"Kepentingan Bumiputera akan terus diambil kira dalam MEB sejajar dengan pertumbuhan berasaskan ekuiti. Sebenarnya dalam pembentukan MEB, kerajaan mengambil kira kepentingan semua masyarakat di negara ini.

"Bagi Bumiputera ia sudah pasti kerana telah termaktub dalam Perlembagaan," katanya kepada media selepas melancarkan akaun simpanan kanak-kanak Mu-

mtaz EONCap Islamic Bank di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau berkata demikian bagi mengulas kebimbangan beberapa pihak termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mengenai kemungkinan terhakisnya kedudukan istimewa Bumiputera selepas pelaksanaan model ekonomi baru itu nanti.

Pembentukan MEB itu diketengahkan Perdana Menteri ketika membentangkan Bajet 2010 tahun lalu bagi memastikan ekonomi negara berada dalam kedudukan lebih baik serta beralih kepada sebuah negara berpendapatan tinggi.

Ahmad Husni berkata, dalam konteks MEB, buat masa ini belum ada ketetapan dibuat kerana ia perlu mengambil kira pandangan serta maklum balas daripada semua peringkat masyarakat.

"Biar semua orang lihat

dulu (laporan) model itu, kemudian beri komen, maklum balas dan input. Transformasi ekonomi negara memerlukan input dan penyertaan semua pihak, kerajaan, NGO, industri dan rakyat," katanya.

Ahmad Husni menjelaskan, dari segi prosesnya, MPEN menyediakan laporannya dan ia akan diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak untuk dibentangkan 30 Mac ini.

"Laporan itu adalah hasil kajian dan penelitian MPEN. Selepas kerajaan membentangkan laporan itu, kita akan minta maklum balas dan input daripada semua peringkat masyarakat.

"Daripada input itu, barulah kita gubal model ekonomi baru itu, iaitu hasil daripada (input dan maklum balas) rakyat Malaysia.

"Laporan awalnya hasil daripada MPEN tetapi apabila ia digubal kelak adalah hasil rakyat negara ini," katanya.

Ahmad Husni berkata, kerajaan akan mengambil kira pelbagai aspek serta pandangan daripada semua kaum dan peserta industri mengenai hala tuju ekonomi dalam model baru itu.

"Kita masih lagi melihat pembangunan negara berlandaskan keperluan setiap bangsa di negara ini, dan kita tidak akan mengabaikan mana-mana kaum serta industri dalam pembangunan negara.

"Saya berani menyatakan bahawa kerajaan masih lagi melihat pembangunan negara dari segi pertumbuhan berasaskan ekuiti, bermakna kita mengambil kira keperluan setiap bangsa dalam negara ini terutama Bumiputera," katanya.